



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Kami: Bil.(09)dlm.PTGS/BPH/10/31/99(LG) Jld.2

Tarikh : 02 Disember 2020

16 Rabiulakhir 1442H

EDARAN SEGERA

Badan Peguam Malaysia

No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

Tingkat 4,
Wisma Hangsam,
No.1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor

No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

Ketua Pengarah

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Aras 4, Podium 1,
Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana,

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN PENUTUPAN BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HASIL, ARAS LG PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat satu (1) kes positif saringan COVID-19 telah dilaporkan di Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Aras LG, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGNS). Sehubungan dengan itu, aras LG akan ditutup mulai Khamis, 03 Disember 2020 sehingga Rabu, 09 Disember 2020 bagi membolehkan tindakan pencegahan lanjut diambil mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Majlis Keselamatan Negara (MKN).

PEMBERITAHUAN PENUTUPAN BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK ARAS LG PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

3. Penutupan ini juga akan melibatkan urusan pembayaran dan perserahan melalui Sistem *Smartbox* dan juga kiosk *Smartbox* untuk (**perserahan tanah (*landed*)**). Berikutan daripada penutupan tersebut, perkara-perkara berikut akan dikuatkuasakan sepanjang tempoh tersebut:

3.1 **Pengecualian denda lewat bagi perserahan urusniaga** yang tamat pada tempoh di antara 03 Disember 2020 hingga 09 Disember 2020. Diberikan **pelanjutan tempoh masa selama satu (1) bulan** daripada tarikh tamat asal; dan

3.2 **Pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik** yang tamat pada tempoh di antara 03 Disember 2020 sehingga 09 Disember 2020. Diberikan **pelanjutan tempoh masa selama satu (1) bulan** daripada tarikh tamat asal.

4. Pentadbiran ini turut ingin memaklumkan bahawa kesemua operasi pembayaran cukai tanah dan cukai petak secara *online* masih berjalan seperti biasa dan ianya boleh dibuat melalui <https://ehasil.selangor.gov.my> atau di mana-mana kaunter Unit Hasil Pejabat Daerah dan Tanah terdekat di Negeri Selangor.

5. Walau bagaimanapun, bagi urusan tanah (*landed*) yang melibatkan kaunter urusan di **Aras G, Bahagian Hakmilik Strata di Aras 1 & 3** dan kaunter kebenaran pindahmilik di **Aras 4** masih berjalan seperti biasa mengikut waktu operasi sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 06 Disember 2020. Selain itu juga, penutupan operasi ini **tidak melibatkan** urusan pembayaran dan perserahan melalui sistem ***Smartbox Strata*** dan ***Kiosk Smartbox Strata*** yang masih beroperasi seperti biasa.

6. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan urusan di Bahagian Pendaftaran Aras LG, ianya boleh diemailkan terus kepada pendaftaranptg@selangor.gov.my untuk maklum balas.

7. Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul di pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Kerjasama semua berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s
Pengeran Tanah dan Galian Negeri Selangor